

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 JUN 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Najib saksi MoU pemindahan teknologi AMBBR dari China kepada UTM	BERNAMA
2.	Teknologi rawatan air kumbahan yang lebih baik	Utusan Malaysia
3.	Pact on China's new waste water system	New Straits Times
4.	NST to work with Academy of Sciences	New Straits Times
5.	Masyarakat perlu didedah isu sains	Berita Harian



Najib Saksi MoU Pemindahan Teknologi AMBBR Dari China Kepada UTM

PUTRAJAYA, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Selasa menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Pemindahan Teknologi "Advance Moving Bed Bio Reactor (AMBBR)" dari China kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Melalui perjanjian itu, teknologi AMBBR yang dicipta oleh Profesor Wang Qing Zhong dari China akan membolehkan UTM dan Wang memindahkan teknologi AMBBR kepada UTM untuk kerjasama penyelidikan, pembangunan dan komersial.

Skop yang berkaitan termasuk pembangunan loji pandu AMBBR, penyelidikan mengenai pencirian dan pengeluaran 'Diatomic Earth' di Malaysia, pembangunan kapasiti sumber manusia, latihan kepakaran dan pemasaran teknologi terbitan AMBBR.

Perjanjian itu dimeterai antara Pengarah Eksekutif Kyto Water Sdn Bhd, Muhammad Afiq Syazali Ghazali, Naib Canselor UTM Datuk Ir Dr Wahid Omar dan Wang di pejabat Perdana Menteri di sini, Selasa.

Majlis itu turut disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Datuk Loo Took Gee.

Teknologi itu telah beroperasi secara komersial di China dengan lebih 400 buah loji besar dan sederhana dibina di negara itu.

Teknologi itu boleh menghasilkan kualiti air terawat yang tinggi, tiada masalah bau, sisa yang minimum, kos kapital dan kos operasi yang lebih rendah serta reka bentuknya yang padat.

Sementara itu, Wahid berkata pemindahan teknologi AMBBR akan memberi manfaat kepada semua pemegang kepentingan termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK) dan KETTHA, Kementerian Pendidikan dan [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#).

"Melalui kolaborasi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) adalah dijangka menghasilkan harta intelek(IP) baharu dalam tempoh tiga tahun, terutama dalam aplikasi baharu teknologi AMBBR selain untuk rawatan air kumbahan.

"Saya amat positif perjanjian ini akan memberi impak yang besar kepada Malaysia amnya dan UTM, industri air negara dan potensi penjanaan pendapatan dan yang pasti mengorak langkah positif dalam pembentukan hub air dunia di negara ini," katanya.

Selain pasaran di Malaysia, Wahid berkata negara lain yang menunjukkan minat untuk menggunakan teknologi AMBBR dari Malaysia termasuk India, Indonesia, Sri Lanka, Filipina dan Brazil.

Beliau berkata RM500,000 geran awal diluluskan UTM untuk menjalankan penyelidikan itu.

Sementara itu, Wang berharap kerjasama ini akan menjadikan Malaysia sebuah hab air berasaskan teknologi ini.

"Kerjasama R&D ini akan menjadikan Malaysia teladan pengurusan sumber air untuk negara-negara lain," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 3 JUN 2015 (RABU)

Teknologi rawatan air kumbahan yang lebih baik

PUTRAJAYA 2 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi menjalin kerjasama strategik dengan China dalam bidang teknologi rawatan air kumbahan.

Perjanjian itu melibatkan pemindahan teknologi rawatan air kumbahan ciptaan Profesor Wang Qing Zhong yang dikenali sebagai *Advance Moving Bed Bio Reactor* (AMBBR) ke Malaysia melalui Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Penggunaan teknologi AMBBR akan menjadikan kualiti air yang dirawat lebih baik, tidak berbau, sisa yang minimum, kos kapital dan kos operasi lebih rendah.

Teknologi rawatan air kumbahan yang dikenalpasti oleh UTM itu mendapati sistem yang digunakan lebih baik daripada teknologi rawatan air kumbahan konvensional sedia ada.

Menerusi perjanjian itu, UTM yang diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar sementara KyotoWater Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Eksekutifnya, Muhammad Afiq Syazali Ghazali dan pencipta teknologi itu, Qing Zhong.

Perjanjian itu akan membolehkan UTM dan Qing Zhong memindahkan teknologi AMBBR ke UTM untuk penyelidikan dan pembangunan selain dikomersialkan dengan tumpuan dalam aspek pembangunan loji pandu AMBBR, pembangu-



Teknologi itu telah dikomersialkan dengan jayanya di negara China apabila lebih 400 buah loji besar dan sederhana telah dibina di setiap pelosok negara berkenaan."

WAHID OMAR
Naib Canselor UTM

nan kapasiti sumber manusia dan latihan kepakaran.

Kerjasama strategik tiga pihak itu akan memberi banyak manfaat kepada semua pihak berkaitan termasuklah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Sementara itu, Wahid dalam ucapannya berkata, berdasarkan lawatan UTM dan KyotoWater iaitu sebuah syarikat milik tempatan ke loji kumbahan di China beliau yakin sistem AMBBR adalah teknologi pengolahan air kumbahan dan air

minuman yang unggul buat masa ini berbanding teknologi-teknologi lain sedia ada.

Beliau berkata, teknologi itu telah dikomersialkan dengan jayanya di negara China apabila lebih 400 buah loji besar dan sederhana telah dibina di setiap pelosok negara berkenaan.

"Oleh itu, KyotoWater telah memeterai perjanjian dengan Qing Zhong untuk memindahkan teknologi AMBBR ke Malaysia dan memilih UTM sebagai penerima bagi penyelidikan.

"Saya positif perjanjian ini akan memberi impak kepada negara dan UTM daripada aspek penghasilan harta intelek, industri air negara dan potensi penjaan pendapatan.

Wahid menambah, UTM telah meluluskan dana berjumlah RM500,000 bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap teknologi AMBBR yang telah dipindahkan ke negara ini.

Dalam pada itu, Qing Zhong semasa berucap berkata, Malaysia berpotensi menjadi hab bagi teknologi rawatan air kumbahan di dunia dan contoh kepada negara-negara lain dalam menitikberatkan penjagaan air semula jadi.

"Teknologi AMBBR telah dikomersialkan di China. Saya hargai keprihatinan Perdana Menteri Malaysia menjaga kepentingan air untuk rakyatnya dan alam sekitar," katanya.

Pact on China's new waste water system

PUTRAJAYA: A new waste water treatment known as the Advance Moving Bed Bio-Reactor (AMBBR) from China is expected to gain traction in the country's water industry.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak yesterday witnessed the signing of a memorandum of understanding (MoU) between AMBBR creator Professor Wang Qing Zhong, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and KytoWater Sdn Bhd.

UTM Vice-Chancellor Professor Datuk Ir. Dr Wahid Omar said the university had chosen the AMBBR

system because of the high quality of treated and odourless water that could be produced odourless and minimal sludge issue.

"The cost involved is low with its compact design. The strategic co-operation between Wang and UTM will give many benefits to all stakeholders, including the National Water Services Commission, Indah Water Konsortium, the Energy, Green Technology and Water Ministry, the Education Ministry and the Science, Technology and Innovation Ministry," he said at the sign-

ing of the MoU.

The AMBBR technology, he added, had been commercialised widely in China involving more than 400 plants.

Wahid said KytoWater had inked an agreement with Wang to transfer the AMBBR technology to Malaysia for commercialisation and had chosen UTM as the recipient of the technology for research, development and commercialisation collaborations. He said the university had approved an initial grant worth RM500,000 for research.

NST to work with Academy of Sciences

TIME TO CATCH UP:

Effort to promote discourse on research

FARHANA SYED NOKMAN

KUALA LUMPUR

farhanasyed@nst.com.my

A NEW forum to highlight the achievements of national experts and research institutes, and disseminate findings and recommendations has been established to propel the nation and its people beyond 2020.

The forum is a new initiative by **Academy of Sciences Malaysia (ASM)** to gather national experts and research institutes to come together and share their latest findings, analyses and trends.

The move will enable stakeholders, such as policymakers, ministries, agencies, institutions of higher learning, industries and corporate sectors, to take the appropriate steps in regards to the nation's progress and development aims.

A collaboration between ASM and the *New Straits Times*, the NST-ASM Future Malaysia Forum — Think, Share and Act — kicked off here yesterday.

ASM president Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali said the discussion and presentations at the forum by experts would prove beneficial to the nation and people.

"One of the major challenges is the supply of talent for the future. The main issue now is about children that are not interested in taking up Science and Mathematics.

"We are lagging many years behind, and one of the areas is certainly Science, Technology, Engineering and Mathematics education. Malaysian students were ranked 52nd out of 65 countries and performed worse than students from countries such as Vietnam, which ranked 17th out of 65 coun-



Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali says one of the major challenges is the supply of talent for the future

tries in the study conducted by the Organisation for Economic Cooperation and Development," he said at the forum held at Balai Berita here yesterday.

"Something must be done now to inculcate, nourish and develop the interest of students in science and technology."

Tajuddin said the partnership with NST was important not only as co-organiser of the forum, but as the media anchor to disseminate the findings and recommendations discussed at the forum.

New Straits Times Press (M) Bhd group managing editor Datuk Abdul Jalil Hamid said he hoped the forum would serve as a platform for government officials to get first-hand information from scientists and think tanks.

"I also believe the forum will trigger a healthy and fruitful discussion. We will disseminate the information gathered to as many people as possible."

Yesterday's forum was attended by experts from the Malaysia Institute of Economic Research, Malaysian Industry-Government Group for High Technology, Institute of Ethnic Studies, National University of Malaysia, Institute of Diplomacy and Foreign Relations, and Institute for Youth Research Malaysia.

Masyarakat perlu didedah isu sains

» Media massa
landasan
terbaik sampai
maklumat: ASM

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Akademi Sains Malaysia (ASM) berpendapat media massa landasan terbaik sebagai pemberi maklumat kepada masyarakat terutama berkaitan Sains dan Teknologi.

Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata masyarakat perlu diberi pendedahan membabitkan pemahaman dan pengetahuan berkaitan dengan isu teknikal dunia sains.

"Sebagai contoh, mengenai isu kilang Lynas, masyarakat membantah pembinaan kilang terbabit kerana dipercayai kilang itu menghasilkan kesan radioaktif yang membahayakan mereka, na-



Ahmad Tajuddin (kiri) bersama Abdul Jalil (dua dari kiri) pada **Forum Future Malaysia dengan kerjasama NSTP** di Balai Berita di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH)

mun sebenarnya mereka tidak memahami konsep kilang berkenaan kerana kurangnya pendedahan berkaitan bidang sains.

"Oleh itu, dalam membentuk

masyarakat kita perlu menggembleng semua aspek penerimaan dan pemahaman mereka terhadap isu yang berkaitan sains dan teknologi," katanya kepada pem-

berita selepas Forum Future Malaysia dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), di Balai Berita, di sini, semalam.

“Oleh itu, dalam membentuk masyarakat kita perlu menggembleng semua aspek penerimaan dan pemahaman mereka terhadap isu berkaitan sains dan teknologi”

Ahmad Tajuddin Ali,
Presiden ASM

Yang turut hadir, Pengarang Urusan, Kumpulan NSTP, Datuk Jalil Abdul Hamid dan Pengarang Kumpulan, New Straits Times (NST), Mustapha Kamil Mohd Janor.

Penganalisis dari 6 institusi

Ahmad Tajuddin berkata, forum itu mengumpulkan penganalisis dari enam institusi yang terbabit dalam kajian berkaitan bidang sains teknologi dan sosial, selain dapat membina platform baharu untuk bidang penyelidikan.